

# Bengkel pembuatan produk mesra alam di Pulau Mantanani

UB 07.07.2012 A6

KOTA KINABALU: Student In Free Enterprise (SIFE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mencipta peluang untuk penduduk di Pulau Mantanani, kira-kira 80 kilometer dari sini, dengan pendedahan tentang cara mesra alam yang baru.

Baru-baru ini, seramai 10 pelajar UMS yang diketuai oleh Amanda Teo Peh Lee telah berkunjung ke pulau berkenaan untuk berkongsi ilmu tentang pembuatan 'eco-purse' kepada penduduk, terutamanya ibu tunggal, suri rumah dan kanak-kanak.

Eco-purse diperbuat daripada pembungkus plastik. Reka bentuknya yang istimewa ditambah lagi dengan kemahiran dan kecekapan dalam bidang jahitan mampu membuat produk itu mendapat hasil jualan yang membanggakan.

Melalui bengkel itu, penduduk kampung bukan sahaja mampu mengurangkan masalah longgokan sampah yang ada di pulau itu, malah mereka dapat menjana pendapatan sampingan untuk keluarga mereka.

Ringkasnya, penduduk Pulau Mantanani dengan bimbingan SIFE UMS kini lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

"Kami tidak dapat menyelesaikan masalah ini dalam sehari, tetapi kami mampu mengubah cara hidup penduduk setempat melalui pendidikan dan penglibatan dalam komuniti," kata salah seorang wakil SIFE UMS.

Melalui projek Eco Purse, SIFE UMS mampu membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup kepada mereka yang memerlukan bantuan.



PESERTA SIFE UMS bersama penduduk Pulau Mantanani.



AMANDA memberi perhatian ketika sesi mengajar penghasilan Eco Purse.



PESERTA SIFE UMS mengajar penduduk Pulau Mantanani teknik menjahit Eco Purse.

Untuk rekod, SIFE UMS telah memulakan Projek 'Eradicating poverty' di Pulau Mantanani pada tahun 2009.

SIFE UMS ditubuhkan pada tahun 2005 dan merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang tidak membawa keuntungan. Ia menjalankan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin dalam bidang perniagaan bagi memberi peluang kepada pelajar universiti untuk berbakti kepada komuniti mereka, di samping membina personaliti untuk menjadi ketua perniagaan yang lebih bertanggungjawab.